



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 12 TAHUN 2017**

---

**PINDAAN KEPADA KEPUTUSAN SENAT KALI KE-149 BIL 12/2017  
BERTARIKH 20 DISEMBER 2016 BERKAITAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN  
AKHIR BAGI KURSUS YANG MELIBATKAN KUMPULAN KECIL  
PADA MINGGU KE-14 KULIAH**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
19 Disember 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

19 DISEMBER 2017

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 11 TAHUN 2017**

**PINDAAN KEPADA KEPUTUSAN SENAT KALI KE-149 BIL 12/2017  
BERTARIKH 20 DISEMBER 2016 BERKAITAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN  
AKHIR BAGI KURSUS YANG MELIBATKAN KUMPULAN KECIL  
PADA MINGGU KE-14 KULIAH**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas makluman Senat Kali Ke-161 Bilangan 12/2017 yang bersidang pada 19 Disember 2017 telah membuat pindaan kepada keputusan Senat Kali Ke-149 Bilangan 12/2017 pada 20 Disember 2016 berkaitan pelaksanaan peperiksaan akhir bagi kursus melibatkan kumpulan kecil pada minggu ke-14 kuliah.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-149 Bil.12/2016 bertarikh 20 Disember 2016 berbincang mengenai keperluan melaksanakan peperiksaan akhir bagi kursus yang melibatkan kumpulan kecil pada akhir minggu kuliah.

2.2 Senat menegaskan bahawa pensyarah kursus berkaitan akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan proses tersebut manakala fakulti perlu memastikan proses pengurusan soalan lebih tersusun dan sistematik. Pelaksanaan peperiksaan akhir di akhir minggu kuliah ini adalah terkecuali bagi komponen kursus universiti dan profesional pendidikan kerana ia melibatkan pelajar dari semua fakulti.

- 2.3 Untuk tujuan ini, Senat meminta satu kertas kerja disediakan agar peperiksaan akhir dilaksanakan semasa minggu ke-14. Minggu peperiksaan hanya akan dikhususkan bagi komponen kursus universiti dan profesional pendidikan sahaja.
- 2.4 Justifikasi untuk mengadakan peperiksaan akhir pada minggu ke-14 adalah berkait dengan langkah penjimatan perbelanjaan Universiti yang mana bermula tahun 2016 tiada lagi lantikan Pembantu Peperiksaan secara sambilan dibuat bagi membantu urusan peperiksaan akhir. Langkah ini telah menjimatkan RM150, 000 kos untuk upah Pembantu Peperiksaan (Sambilan).
- 2.5 Perbincangan telah diadakan pada 6 April 2017 berkenaan pelaksanaan peperiksaan akhir bagi kursus teras/major pada minggu terakhir kuliah. Hasil perbincangan berkenaan, beberapa perkara telah dipersetujui seperti berikut:
- 2.5.1 *Student Learning Time (SLT)* perlu diambilkira supaya memenuhi keperluan seperti yang tertulis di Rangka Kursus.
- 2.5.2 Pensyarah perlu memastikan bahawa silibus kursus telah dihabiskan terlebih dahulu sebelum menjalankan peperiksaan pada minggu terakhir kuliah.
- 2.5.3 BHEA dan Pusat ICT akan menguruskan keperluan MySIS supaya proses pemarkahan berjalan lancar.
- 2.5.4 Fakulti perlu menyelaraskan keperluan percetakan, pembungkusan dan pendedaran soalan peperiksaan.
- 2.6 Uji-Cuba telah dijalankan pada Semester 2 Sesi 2016/2017 untuk program Sarjana Muda. 25 kursus telah dipilih sebagai sampel untuk

menjalankan peperiksaan akhir pada minggu ke-14 kuliah iaitu bermula pada 24 hingga 26 Mei 2017.

2.7 Peperiksaan akhir minggu ke-14 juga dilaksanakan pada 18-22 Disember 2017.

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju:

3.1.1 meminda keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-149 Bilangan 12/2016 pada 20 Disember 2016 untuk melaksanakan peperiksaan pada Minggu Ke-14.

3.1.2 bersetuju untuk tidak melaksanakan peperiksaan pada Minggu Ke-14 pada Semester 2 Sesi 2017/2018 dan seterusnya.

3.1.3 agar UPSI memulakan langkah ke arah pendekatan pendidikan secara fleksibel pada tahun 2018.

### 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 19 Disember 2017.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik

